

**SOALAN NO. 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[BATU KAWAN]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sekiranya wujud satu mekanisme “safety net plan” bagi kaum wanita terutama sekali bagi ibu tunggal dan apakah bantuan yang sedia ada untuk mendaya upayakan kaum wanita di Malaysia terutama sekali golongan ibu tunggal.**

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mewujudkan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan baru-baru ini telah melancarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal.

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita menterjemahkan segala dasar dan pernyataan iltizam Kerajaan ke arah mencapai kesaksamaan gender. Pelan tindakan ini juga mengambil kira matlamat dasar-dasar pembangunan negara termasuk Dasar Sosial Negara dan Dasar Wanita Negara, teras Misi Nasional, agenda pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia, komitmen-komitmen Kerajaan di forum-forum antarabangsa seperti Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing, Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs), dan Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration).

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ini memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan masyarakat civil untuk mencapai objektif dan matlamat Dasar Wanita Negara. Pelan Tindakan ini digubal melalui beberapa proses konsultasi yang melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan wanita, pertubuhan-pertubuhan wanita terutama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), badan bukan kerajaan (NGO), parti politik, persatuan/individu yang mewakili kumpulan wanita muda dan pakar rujuk seperti aktivis masyarakat/ahli akademik serta majikan sektor swasta/persatuan pekerja sektor swasta.

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita menggariskan objektif, strategi dan tindakan yang meliputi 13 sektor iaitu:

- (a) Wanita dan Ekonomi;
- (b) Kemiskinan di Kalangan Wanita;
- (c) Wanita dan Undang-undang;
- (d) Keganasan Terhadap Wanita;
- (e) Wanita dan Kesihatan;
- (f) Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Latihan;

- (g) Wanita dalam Bidang Sains dan Teknologi;
- (h) Wanita dan Media;
- (i) Wanita dan Alam Sekitar;
- (j) Wanita dan Sukan;
- (k) Wanita dan Agama, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;
- (l) Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dan Politik; dan
- (m) Mekanisme, Jentera dan Institusi Pembangunan Wanita.

Kementerian juga telah melancarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal pada 22 Oktober 2015. Pelan Tindakan ini telah merangka 19 langkah strategik berdasarkan tiga (3) teras strategik iaitu memperkasa ekonomi ibu tunggal, meningkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal, dan meningkatkan pelaksanaan penyelidikan dan penyelarasaran pembangunan ibu tunggal. Pelan Tindakan ini memberi panduan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai pelbagai inisiatif serta program dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Pelan Tindakan ini adalah selaras dengan pendekatan Kerajaan yang menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan. Justeru, Pelan Tindakan yang bersifat *explicit* ini mampu menggerakkan dan mengintegrasikan

penglibatan pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta dengan lebih berkesan.

Bagi mendaya upayakan wanita di Malaysia khususnya ibu tunggal, Kementerian menyediakan pelbagai bentuk bantuan sama ada bantuan kewangan secara langsung mahupun dalam bentuk latihan kemahiran. Antara bantuan yang disediakan ialah:

**(i) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)**

Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2008. Sehingga 30 September 2015, seramai 5,085 orang ibu tunggal telah menerima manfaat daripada program ini.

**(ii) Program 1AZAM (AZAM Niaga dan AZAM Khidmat)**

Kementerian juga melaksanakan program 1AZAM khususnya AZAM Niaga dan AZAM Khidmat untuk golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih. AZAM Niaga menyediakan peluang menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dengan kemudahan latihan dan skim kredit mikro. Antara jenis

perniagaan yang boleh diusahakan ialah produk makanan dan minuman, barang kraftangan dan perniagaan runcit. AZAM Khidmat pula menawarkan peluang menjana pendapatan melalui bidang perkhidmatan dengan memberi latihan kepada peserta bagi membolehkan mereka mempunyai kemahiran tertentu seperti penjagaan diri dan refleksologi, urutan dan andaman pengantin. Daripada sejumlah 37,625 orang peserta bagi tempoh 2010 sehingga 30 Jun 2015, seramai 31,528 orang iaitu 83.7 peratus merupakan wanita dan seramai 4,341 orang merupakan ibu tunggal.

**(iii) Bantuan Geran Pelancaran**

Kementerian juga menyediakan Bantuan Geran Pelancaran (*launching grant*) iaitu bantuan sekaligus dengan kadar maksimum RM2,700 diberikan kepada klien Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Bantuan ini membolehkan klien Jabatan terutama penerima bantuan di kalangan ibu tunggal menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka. Bagi tahun 2013 sehingga tahun 2015 seramai 723 orang ibu tunggal telah menerima manfaat Bantuan Geran Pelancaran dengan peruntukan sebanyak RM2,308,011.00.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
[ JERLUN ] [ BN-UMNO ]**

**TARIKH : 27 OKT 2015, SELASA**

**SOALAN : 21**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan yang telah dirangka oleh Kementerian bagi menaik taraf institusi pendidikan GIATMARA di negara ini yang menumpukan kepada program teknikal selari dengan keutamaan Kerajaan kepada Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, GIATMARA merupakan institusi latihan kemahiran yang berperanan melahirkan tenaga kerja mahir untuk keperluan tenaga kerja dalam negara. Setiap tahun, GIATMARA mengeluarkan lebih 20,000 orang graduan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Bagi memastikan program yang dilaksanakan oleh GIATMARA selari dengan keutamaan Kerajaan yang memberi tumpuan kepada Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), semua program yang dilaksanakan di GIATMARA dipastikan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dalam industri bagi membolehkan pelatih meraih pendapatan yang tinggi dalam sektor pekerjaan. Antara perkara yang diberi perhatian penting ialah:

- i. Memastikan laluan kerjaya (*Training Pathway*) pelatih dalam setiap program yang ditawarkan adalah jelas bagi membolehkan pelatih GIATMARA menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

- ii. Memperkenalkan konsep "Industrial Corner" dalam pelaksanaan latihan kemahiran yang menekankan kepada jalinan dan pakatan strategik dengan pihak industri mengikut bidang yang ditawarkan.
- iii. Menambahbaik program Pembangunan Usahawan Teknikal GIATMARA bagi melahirkan lebih ramai usahawan teknikal dalam kalangan pelatih.

Inisiatif ini berupaya melahirkan *competent, global oriented* and *marketable workforce*. Usaha ini bakal mengeluarkan tenaga kerja berpendapatan tinggi (*high income earner*) dalam jangka masa panjang ke arah menuju negara maju berpendapatan tinggi.